

BERNAMA - Portfolio hartanah IGB REIT meningkat kepada RM5.02 bilion setakat 31 Dis, 2022

Wednesday, January 4, 2023

Clipped from: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2153098>

03/01/2023 08:26 PM

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Nilai hartanah pelaburan portfolio IGB Real Estate Investment Trust (REIT) berjumlah RM5.02 bilion setakat 31 Dis, 2022, merekodkan lebihan penilaian semula sebanyak RM60 juta daripada nilai pasaran RM4.96 bilion setakat 31 Dis, 2021.

Pengurusnya, IGB REIT Management Sdn Bhd dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata bagi asas tahun ke tahun, nilai pasaran Mid Valley Megamall meningkat RM35 juta kepada RM3.70 bilion, manakala The Gardens Mall naik sebanyak RM25 juta kepada RM1.32 bilion setakat 31 Dis, 2022.

"Berdasarkan kepada keputusan belum diaudit IGB REIT setakat 31 Dis, 2022, nilai aset bersih bagi setiap unit (sebelum pengagihan pendapatan) adalah sebanyak RM1.1777 selepas penggabungan lebihan penilaian semula sebanyak RM60 juta," katanya.

Penilaian semula itu dijalankan oleh Henry Butcher Malaysia Sdn Bhd dan penilaian baharu akan ditunjukkan dalam keputusan kewangan suku keempat 2022 IGB REIT dan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Dis, 2022.

-- BERNAMA